

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 DISEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 & 4

PADU dibuka bulan depan untuk orang ramai sahkan maklumat beribadi

PADU dibuka bulan depan untuk orang ramai sahkan maklumat peribadi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zakyy@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sistem Pangkalan Data Utama (PADU), yang menggabungkan lebih 200 pangkalan data untuk menyelaras pengumpulan maklumat sosioekonomi isi rumah di Malaysia, akan dibuka mulai bulan depan untuk orang ramai membuat pengesahan maklumat peribadi mereka.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kerajaan memerlukan maklumat yang tepat mengenai sosioekonomi setiap keluarga, tidak cukup hanya dengan maklumat nama dan tempat tinggal.

"Tanpa pangkalan data ini, berapa banyak peruntukan dibelanjakan pun, ia belum tentu dapat memenuhi sasaran sistem bantuan sosial. Sebab itu saya fokuskan kepada satu pangkalan data menyeluruh ke arah itu," katanya

dalam satu hantaran di laman sosial X rasmi beliau, semalam.

Pelaksanaan PADU diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 15 Mei lalu hasil keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi mengenal pasti ketirisan yang wujud, sekali gus menambah baik pelaksanaan sistem subsidi kepada golongan sasaran.

Nasional 4

Dasar difahami rakyat bermula 2024

Dari Muka 1

Sistem berkenaan yang berupaya memperkemas pelaksanaan pemberian bantuan kerajaan dengan lebih meluas dan menyeluruh, menyediakan gabungan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini serta mampu menyalurkan data secara terperinci mengenai bantuan yang diterima rakyat.

Awal minggu ini, Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib ketika mengu- lung perbahasan Rang Undang- Undang Perbekalan 2024 bagi kementerian itu di Dewan Negara, berkata sehingga 5 Disember lalu, kemajuan sistem berkenaan berada pada tahap 93.3 peratus.

Sesi ujian penerimaan pengguna sudah dijalankan dari 28 November sehingga 5 Disember dengan sasaran tempoh kemas

kini dan pengesahan maklumat individu dalam PADU dibuka kepada pengguna sehingga 31 Mac 2024.

Bermula 1 April depan pula, data dan maklumat dikemuka- kan dalam sistem itu akan dianalisis berdasarkan kes gunaan untuk menentukan kumpulan sasar bagi penyasaran semula subsidi dengan mekanismenya dijangka diumumkan kerajaan pertengahan tahun depan.

Sementara itu, Rafizi berka- ta, selepas setahun diberi amanah sebagai Menteri Ekonomi, beberapa keputusan penting untuk menstruktur ekonomi bagi jangka panjang telah dibuat walaupun sukar sehingga ada yang tergendala.

"Contoh paling baik ialah re- formasi bantuan sosial ke arah mewujudkan sistem perlindungan sosial yang universal. Ke- mampuan kerajaan menambah

baik sistem bantuan sosial ke- pada mereka yang memerlukan bergantung kepada maklumat penerima," katanya.

Rafizi berkata, pelaksana- an dasar menyeluruh itu akan mula dirasai dan difahami rak- yat bermula 2024 kerana pada tahun ini, beliau memberi tumpuan untuk mencapai sepakat bagi keputusan penting yang tertangguh ketika pentadbiran terdahulu.

"Sebelum ini, saya tidak ter- lalu beri perhatian untuk men- jawab kerana saya tumpukan se- penuh masa untuk memastikan keputusan dasar penting dibuat bagi menambah baik struktur ekonomi negara.

"Bermula sekarang, saya akan fokus juga kepada usaha memperbaiki komunikasi ke- menterian saya dan kerajaan keseluruhannya," katanya.

“Bermula sekarang, saya akan fokus juga kepada usaha memperbaiki komunikasi kementerian saya dan kerajaan keseluruhannya”

Rafizi Ramli,
Menteri Ekonomi

